



Sari 26 (2008) 257 - 272

## Perpindahan dan Hubungan Semasa Orang Cam

MOHAMAD ZAIN BIN MUSA

### ABSTRAK

*Masyarakat Cam adalah komponen dalam kependudukan kerajaan Campa yang disahkan telah wujud sejak tahun 192 hingga 1835. Sepanjang sejarahnya, mereka mencari perlindungan di negara jiran seperti Kemboja. Rencana ini membincangkan faktor penghijrahan mereka sejak abad ke 10 Masihi sehingga hari ini dan juga menghuraikan bagaimana mereka menempatkan diri di Kemboja, Vietnam, Laos, Malaysia, Australia, Perancis, Amerika Syarikat dan sebagainya, dan bagaimana mereka menjalin hubungan sesama mereka di peringkat antarabangsa.*

*Kata kunci:* Campa, Melayu-Cam

### ABSTRACT

*The Cham community is a component of the population of the kingdom of Champa proven to have existed from the year 192 to 1835. Throughout its history, some of the Cham people left their homeland in search of safety in neighboring countries, including Cambodia. This article attempts to discuss not only the various factors causing their emigrations, started in the tenth century, but also ways they settled in Cambodia, Vietnam, Laos, Malaysia, Australia, France, the United States and some other countries, and lastly highlights the means they organize themselves internationally.*

*Key words:* Campa, Melayu-Cam

### PENGENALAN

Kerajaan Campa adalah kerajaan Melayu yang tua. Kewujudannya telah dibuktikan dalam dokumen Cina pada tahun 192 Masehi, selain prasasti Campa dalam bahasa Cam, dan dwi-bahasa Cam dan Sanskrit. Oleh sebab bahasa Cam tergolong dalam rumpun Melayu, tidaklah salah dinyatakan bahawa kerajaan Campa adalah juga kerajaan Melayu. Selain itu, istilah *Melayu Cam* dan *Melayu Campa* telah digunakan tokoh dan pakar antarabangsa di bidang kajian Campa berikutnya sebuah konvensyen antarabangsa yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1988.



Pada peringkat awalnya, kerajaan Campa terletak bersempadan China di utara. Orang Viet yang mendiami kawasan di selatan China dan ingin membebaskan diri daripada pendudukan China sejak tahun 111 sebelum Masehi itu akhirnya berjaya mendirikan kerajaan sendiri pada tahun 939 Masihi. Kelahiran identiti Vietnam pada abad ke 10 itu adalah antara perubahan penting dalam sejarah Indochina secara umum dan sejarah Campa secara khususnya. Serangan pertama negara Viet ke atas Campa berlaku pada tahun 982. Dalam serangan itu, Indrapura, ibu kota pertama Campa telah musnah. Tarikh ini juga menandakan permulaan *nam-tien*, iaitu pergerakan atau kemaraan orang Viet ke selatan dan mengancam keselamatan pusat pentadbiran Campa (Le Thanh Khoi 1955).

Akibat serangan demi serangan daripada pihak Viet, sempadan utara Campa terpaksa berpindah ke selatan dengan ibu kotanya dipindahkan jauh ke selatan pada tahun 1000. Selepas itu, Campa terus ditekan oleh kemaraan Vietnam dan bergerak ke selatan. Pada tahun 1471, ibu kotanya, Vijaya, diserang dan dimusnahkan secara sistematis dalam erti kata apa sahaja yang bersifat Campa dan budayanya telah dimusnahkan. Orang Viet juga telah membunuh dan mengusir orang Campa ke kawasan lain di selatan. Pada tahun 1653, Vietnam menakluki Kauthara dan pada tahun 1692, bahagian lain di selatan, iaitu Panduranga juga diduduki orang Viet. Akhirnya pada tahun 1835 (Po Dharma 1987), wilayah Campa telah dirampas kerajaan Vietnam buat selama-lamanya.

Kemaraan orang Viet ke selatan itu adalah faktor utama yang menyebabkan orang Cam berpindah dari tanah air untuk mencari perlindungan di wilayah lain di Asia Tenggara, khususnya Kemboja. Selepas negeri-negeri di Indochina dikuasai komunis pada tahun 1975, sebahagian lagi orang Melayu-Cam telah melarikan diri ke Malaysia, Eropah, Amerika Utara, Australia dan lain-lain.

#### MASYARAKAT CAM DI KEMBOJA

Orang Cam telah menghuni negara Khmer sejak kurun ke-7 lagi. Hubungan antara orang Campa dengan orang Khmer boleh dibayangkan daripada catatan di inskripsi yang menyatakan seorang putera raja Campa telah mengahwini seorang puteri Khmer (Mohamad Zain bin Musa 1991). Kehadiran orang Cam di Kemboja juga direkodkan di bas-reliefs Banteay Chmar pada kurun ke-13 apabila tentera Cam berjuang bersama tentera Khmer (Jacq-Herlgoualc'h 1991). Terdapat pemuzik, askar upahan serta guru *ballista* di kalangan mereka (Jacq-Herlgoualc'h 1979). Namun, sebahagian besar orang Cam tiba di Kemboja selepas kejatuhan Vijaya, ibu negara Campa pada tahun 1471. Pergerakan Vietnam ke selatan yang mula sejak terbentuknya kerajaan Viet secara rasmi pada abad ke 10 M itu telah memaksa orang Campa melarikan diri dari tanah air sehingga kerajaan Campa terhapus pada tahun 1835 (Po Dharma 1987).



Setiap kemenangan Vietnam ke atas Campa diikuti usaha penaklukan wilayah Campa oleh orang Vietnam. Akibatnya, orang Cam terpaksa melarikan diri ke tempat yang mereka rasa selamat dan yang boleh melindungi mereka. Tempat yang paling dekat dan yang boleh memenuhi kesemua faktor itu adalah Kemboja. Selain itu, mereka telah juga melarikan diri ke Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Borneo dan pulau Hainan. Tempat-tempat itu pernah mempunyai hubungan dengan kerajaan Campa sebelum itu. Kemasukan orang Cam secara besar-besaran ke Kemboja berlaku selepas orang Vietnam menakluki Vijaya pada 1471 seperti yang dirakam dalam babad Khmer (Mak Phoeun 1995: 397-8). Pelarian besar-besaran yang berikutnya telah berlaku pada tahun 1692-93 ekurang Vietnam menakluki Kauthara (Phanrang) (Boisselier 1963: 358-9; Po Dharma 1989: 128-35). Satu lagi pelarian besar-besaran telah berlaku pada hujung abad 18 dan suku pertama abad 19. Kali ini mereka melarikan diri kerana perang saudara Viet antara kumpulan Nguyen dan Tay Son bersaudara (Lê Thanh Khôi 1955:296-313; Ms CAM27) dengan orang Campa dari golongan atasan hingga ke rakyat jelata telah menjadi mangsa konflik politik orang Viet yang bersaing merebut kuasa. Peristiwa lain yang menyebabkan orang Campa melarikan diri adalah selepas Panduranga ditakluki sepenuhnya pada 1835, setelah dua perang pembebasan Panduranga oleh Ja Thak Va dan kemudian Katip Sumat ditewaskan oleh Minh Menh. Dalam peristiwa itu, orang Cam dituduh sebagai pemberontak. Oleh itu, mereka terpaksa menyelamatkan diri dengan melarikan diri ke Kemboja (Po Dharma 1987).

Pendek kata, pelarian orang Cam ke Kemboja adalah disebabkan tekanan *nam-tien*. Sehubungan itu, Cabaton menyatakan Vietnam ‘boleh wujud hanya dengan merugikan masyarakat Cam’ (1907:131). Di sini Vietnam berhajat meluaskan penguasaannya ke seluruh Asia Tenggara (Ferry 1984:118).

#### LOKASI PENEMPATAN ORANG MELAYU-CAM DI KEMBOJA

Di Kemboja, orang Cam menemui saudara serumpunnya dari kepulauan Melayu. Orang Melayu datang ke Kemboja kerana agama dan perdagangan. Mereka telah membentuk masyarakat yang homogen dan *unik* kerana mereka sama-sama beragama Islam dalam masyarakat yang majoriti orangnya beragama Buddha. Selain itu, amatlah sukar untuk membezakan orang Melayu dan Cam. Mereka telah membentuk masyarakat Islam homogenous yang disebut *Melayu-Cam*.

Orang Cam yang datang ke Kemboja itu terdiri daripada pelbagai lapisan sosial. Mereka diterima orang Khmer, tidak kira sama ada daripada lapisan masyarakat atasan atau rendah. Mereka dibenarkan tinggal di mana sahaja di Kemboja (Mak Phoeun: 1995: 397-8). Pada kurun ke-19, orang Perancis yang pertama kali tiba di Kemboja terkejut dengan simbiosis yang terjalin antara





orang Melayu-Cam dan Khmer. Mereka terkejut melihat “bagaimana orang Islam dan Buddha hidup bersama bagaikan adik-beradik.” (Pavie 1901: 28-9)

Orang pelarian Cam itu juga diterima dan disenangi keluarga diraja. Pada tahun 1692, mereka diberi perlindungan oleh Raja Jayajettha III (1677-1705). Raja Jayajettha III membenarkan orang Cham mendiami kawasan Oudong (ibu negara Kemboja masa itu), di wilayah Thbaung Khmum, Stung Trâng dan daerah-daerah lain di Srok Khmer (Kemboja). Ekoran polisi itu, walaupun orang Melayu-Cam didapati telah menghuni seluruh Srok Khmer, mereka tertumpu di tebing Tonle Thom (Sungai Mekong), dari Kratie ke Phnom Penh, di tebing Sungai Tonle Sap, dari Phnom Penh ke Kompong Chhnang, khususnya di Chraig Chamres, Khleang Sbek dan Kompong Luong, di Tasik Tonle Sap dan Kampong Cham, Pursat, Battambang dan Kompot. Mereka juga tinggal di kawasan pinggiran kota Phnom Penh seperti Chroy Changvar dan Prek Pra. Perkampungan terbesar kaum Melayu boleh ditemui di Kompot, Battambang dan Kompong Luong. Kedua-dua orang Melayu dan Cam telah membentuk masyarakat Islam yang bersatu padu.

Selanjutnya, mereka juga terlibat dalam pelbagai aktiviti politik-ekonomi dalam kerajaan Khmer. Ada juga orang Cam terlibat dalam persaingan kuasa di kalangan putera diraja. Ada manuskrip Cam, selain sumber Khmer yang lain, menyatakan penglibatan orang Melyu-Cam dalam pemberontakan Putera Sivutha, iaitu adik kepada Raja Norodom (Cam CM39(36); Mohammad Zain bin Musa 1999). Manuskrip ini juga menceritakan bagaimana orang Melayu-Cam mendirikan perkampungan di Prey Pus, Chouk Sâr dan Srê Prey di propinsi Kompong Chhnang. Selain itu, mereka menikmati hak sama dengan orang Khmer.

Sepanjang sejarah kependudukan orang Melayu-Cam di Kemboja, hanya sekali berlaku pemberontakan dengan sekumpulan kecil orang Melayu-Cam memberontak menentang pemerintah Kemboja. Selain itu, majoriti orang Melayu-Cam berkhidmat dengan jujur kepada raja-raja Khmer dan kepentingan kerajaan. Peranan orang Melayu-Cam itu telah dirakam dalam manuskrip Cam CM 39(36) yang telah dikaji oleh Mohamad Zain bin Musa (2001). Sepanjang hidup mereka di Kemboja, mereka bersama orang Khmer telah melalui banyak kisah suka duka, termasuk zaman pemerintahan rejim Pol Pot yang telah melakukan jenayah kejam terhadap penduduk Kemboja, pembunuhan beramai-ramai, dalam tahun 1975-79.

Kini banyak perkampungan orang Melayu-Cam telah didirikan untuk memenuhi keperluan mereka yang semakin ramai dan kesukaran mencari makan di kampung asal. Mereka telah membeli atau menyewa tapak tanah untuk berternak dan bercucuk tanam di tempat baru, seperti di wilayah Rattanakiri, Mondolkiri di Timur, wilayah Preah Vihear dan Udon Meanchey di Utara serta di wilayah Kompot dan Kompong Som di Selatan. Mereka telah mendirikan masjid dan surau untuk tujuan beribadah dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, seperti mengadakan kelas pengajian agama Islam dan majlis kahwin.





### MASYARAKAT CAM DI LAOS

Di Laos, masyarakat Melayu-Cam ditemui di Vientiane. Jumlah mereka amat kecil: lebih kurang 50 keluarga sahaja. Encik Keu Seu (berumur 75 tahun pada tahun 2001), presiden Lao Muslim Association mengatakan kesemua orang Cam di Laos datang dari Kemboja selepas perang Jepun (Perang Dunia II). Mereka datang melalui wilayah Kratie, Stung Treng dan Champasak. Dalam Perang Indochina II, era pemerintahan Lon Nol di Kemboja dan Thieu-Tri di Vietnam Selatan, mereka juga datang dari Kemboja melalui jalan yang sama.

Perpindahan mereka ke Laos adalah untuk mencari rezeki, kerana sukar bagi mereka untuk mencari makan di Kemboja selepas Perang Dunia II dan era pemerintahan Lon Nol (1970-1975). Setibanya di Laos, ada setengah orang Cam mencuba nasib di Luang Pra Bang, tetapi kembali ke Vientiane pada akhirnya, kerana tidak tahan keseorangan setelah handai atau ahli keluarga mereka berada di Vientiane. Kebanyakan mereka menjaja dan yang lain menjual makanan secara kecil-kecilan. Encik Keu Seu sendiri menjaja kain di peringkat awal dan kemudian menjadi usahawan di bidang pengangkutan dan menjual barang binaan. Kini masih ada keluarga Melayu-Cam di Champasak dan Luang Pra Bang.

### MASYARAKAT CAM DI VIETNAM

Di Vietnam, masyarakat Cam ditemui di daerah yang menjadi tanah air nenek moyang mereka di daerah Phanri dan Phanrang, wilayah yang dahulunya dikenali sebagai Panduranga. Selain itu, orang Cam juga ditemui di sekitar Bandar Ho Chi Minh (dahulunya Saigon), Chaudoc dan Tayninh. Tempat-tempat itu adalah daerah Kemboja sebelum ditakluki berperingkat-peringkat dan dijadikan sebahagian wilayah Vietnam pada masa kini. Bandar Ho Chi Minh, Chaudoc dan Tayninh dikenali dalam bahasa Khmer sebagai Prey Nokor, Moat Chrour dan Rong Damrei. Jika orang Melayu-Cam di Kemboja dan Laos disebabkan faktor luaran, apakah sebab mereka mendiami Vietnam sejak sekian lama?

#### PHANRI DAN PHANRANG

Di Campa, orang Melayu boleh ditemui hidup bersama orang Cam. Mereka datang ke Campa pada masa dan dengan tujuan yang sama seperti mereka di Kemboja. Kesemua mereka disebut orang Melayu-Cam (Po Dharma 1999 & 2000).

Kini sebahagian orang Melayu-Cam di Vietnam mendiami wilayah nenek moyang mereka di Phanri dan Phanrang. Mereka berazam tidak akan meninggalkan tanah air semasa orang Viet menakluki Campa. Orang Campa dari segala lapisan masyarakat telah menderita semasa penaklukan Viet. Ada





banyak dokumen dan manuskrip dalam bahasa Cam menceritakan penderitaan orang Cam di bawah kuasa orang Viet pada abad ke 18-19. Manuskrip Cam (Mohamad Zain bin Musa 1993) yang bercirikan sejarah itu harus diberi keutamaan dalam kajian Melayu Campa. Perkampungan orang Melayu Cam lain di Vietnam adalah di Tayninh dan Chaudoc.<sup>1</sup>

#### PENEMPATAN DI TAYNINH

Dalam *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, baba Vietnam, telah disebut seorang kapten Viet bernama Chan, telah membentuk sebuah pasukan tentera yang terdiri daripada orang *Moi* untuk beroperasi di Kemboja pada tahun 1755. Orang *Moi* telah meninggalkan kampung halaman mereka di Binh Thuan, di Panduranga, untuk “pergi menetap di Kemboja”. Menurut teks lagi, pada tahun 1756, jeneral Thien menyuruh orang *Moi* di A-sam (Mak Phoeun 2000) menetap di Go-vap, di sekitar Saigon. Dalam perjalanan mereka sebanyak 10,000 orang ke tempat yang ditetapkan itu, mereka diserang tentera Kemboja. Dalam keadaan kucar kacir itu, orang *Moi* tidak boleh buat apa-apa, lalu dibawa orang Viet ke gunung Nui Ba-dinh (Phnom Choeung Badeng di daerah Tayninh sekarang)(Garnier 1873: 55-6). Menurut Bouillevaux, ada kemungkinan besar mereka itu orang Melayu-Cam. Jika benar, penempatan pertama yang dirakamkan dalam dokumen sejarah orang Melayu-Cam di Tayninh (nama asal dalam bahasa Khmer: Rong Damrei) berlaku pada pertengahan abad ke-18.

Dalam manuskrip Cam CAM27 dan CM39(38) yang telah dikaji dalam penulisan tesis di Ecole Pratique des Hautes Etudes di Sorbonne, saya dapat sejumlah besar orang Panduranga (Campa) di bawah pimpinan Po Cei Brei telah meninggalkan tanah air mereka untuk mencari perlindungan di Kemboja pada 1795-96 (Mohamad Zain bin Musa 1990: 75) dan bukan tahun 1822 seperti yang dipercayai sebelum ini.<sup>2</sup> Penghijrahan ini berlaku kerana baginda, ahli keluarga baginda serta pengikutnya tidak tahan tekanan daripada pemerintah Viet yang berperang sesama sendiri: perang Nguyen melawan Tay Son bersaudara pada 1771-1802 (Mohamad Zain bin Musa 1992), Po Cei Brei dan pengikutnya mengambil masa trujuh belas tahun untuk akhirnya, dengan hati baik dan kebenaran raja Kemboja, menetap di Rong Damrei dengan direstui pemerintah Vietnam. Kini, Tayninh terletak di wilayah Vietnam bersempadan dengan Kompong Cham, Kemboja (Mohamad Zain bin Musa 1990 & 1992).

Masa sekian lama yang diambil Po Cei Brei dan pengikutnya untuk menetap di Rong Damrei kerana di peringkat awal setelah tiba di Kemboja, mereka memilih untuk menetap di Roka Po Pram, di daerah Thbaung Khmum (Thbaung Khmum tidak jauh dari Rong Damrei) wilayah Kompong Cham (Mohamad Zain bin Musa 1990). Mereka tinggal di daerah itu tanpa masalah. Tetapi, tindakan tentera Siam di Kemboja pada tahun 1812, dalam kerangka perang antara dua kuasa jiran Kemboja, Siam dan Vietnam, telah meletakkan Kemboja dalam keadaan yang amat bahaya. Siam dan Vietnam sentiasa mahu Kemboja diletakkan di bawah pengaruh mereka, malahan menjadikannya negeri naungan,



atau menakluk beberapa buah provinsi Kemboja (Mak Phoeun 2000). Semasa pencerobohan Siam itu, raja Kemboja Ang Chan, yang disokong Vietnam, terpaksa melaikkan diri ke Vietnam.

Dalam keadaan itulah Po Cei Brei dan pengikutnya berpindah dari Roka Po Pram ke Oudong. Sampai di Ponhea Lu, mereka terpaksa bertukar arah ke selatan kerana pasukan diraja Khmer telah tiba di Dei Eth. Bila sampai, Po Cei Brei tidak menemui raja Kemboja kerana baginda telah meninggalkan daerah itu. Sekali lagi mereka terpaksa bertukar arah ke Po Preah In dan dengan bantuan pasukan tentera Vietnam ke Rong Damrei dan menetap di situ (Mohamad Zain bin Musa 1990: 200-206). Namun, mereka terpaksa berpindah sekali lagi ke Prek Meak (Mohamad Zain bin Musa 1990: 240), walaupun hanya untuk jangka masa yang pendek. Ini disebabkan sifat cemburu daripada penduduk di Rong Damrei, sama ada orang Cam telah lama tinggal di situ atau orang Viet yang tinggal berhampiran (Mohamad Zain bin Musa 1990: 239-240). Ini disebabkan ada kemungkinan Po Cei Brei mendapat perhatian yang baik daripada pihak berkuasa Viet kerana baginda adalah bekas pemerintah Panduranga (Campa). Manuskrip Cam CM39(38) juga mengesahkan Po Cei Brei, ahli keluarga dan pengikutnya datang dan menetap di Rong Damrei atau Tayninh. Menurut dokumen Viet, ramai orang Cam datang menetap di Rong Damrei. Ada dua kumpulan orang Cam dibenarkan tinggal di Rong Damrei pada tahun 1849 dan 1857 (Mak Phoeun 2000).

#### PENEMPATAN DI CHAUDOC

Kewujudan masyarakat Cam di Peam (nama baru dalam bahasa Vietnam: Hatien) telah terbukti sejak abad ke-17 lagi. Ini kerana Peam adalah pusat perdagangan besar ketika itu. Kawasan itu didiami "... orang Khmer, Cina, Melayu, Cam serta beberapa orang kacukan Portugis" (Launay 1925: 530-1). Kehadiran orang Melayu adalah disebabkan perdagangan<sup>3</sup>. Namun, orang Cam di Chaudoc (nama asal dalam bahawa Khmer: Moat Chrour) mengatakan kehadiran mereka di Chaudoc berlaku lebih kurang pada pertengahan abad ke-19.

Penempatan orang Melayu-Cam di Moat Chrour disebabkan dua peristiwa yang berkait dengan hubungan Kemboja dengan Vietnam dengan penglibatan Siam secara langsung. Peristiwa yang pertama berlaku ketika Kemboja masih berada di bawah naungan raja perempuan, Ang Mei (1835-1847) yang dilantik oleh Vietnam (Khin Sok 1991; Lê Thành Khôi 1995: 334-5) tetapi tidak mempunyai kuasa. Kuasa sebenarnya terletak di tangan seorang jeneral Viet, Ong Toeung Kun<sup>4</sup> (Truong Minh Giang dalam bahasa Viet). Dengan perlantikan itu mandarin Khmer yang tidak puas hati adalah termasuk putera Ang Duong yang memohon bantuan daripada Siam. Sebelum Ang Duong (Harireak Rama) menaiki takhta pada tahun 1848, mereka yang menyebelahi pihak Vietnam (Moura 1883: 488) telah melaikkan diri untuk menetap di Chaudoc yang dikuasai Vietnam, walaupun *de jure* daerah itu masih kepunyaan Khmer.



Kumpulan kedua datang dan menetap di Moat Chrouruk itu berlaku lebih kurang dua tahun sebelum Ang Duong mangkat pada 1860. Ramai orang tahu kehadiran mereka di Chaudoc kerana peristiwa itu telah dirakam di banyak sumber, termasuk babad diraja dan catatan Mgr Miche, paderi Perancis yang berada di Kg Luong (Mak Phoeun 1988: 90-1; Mohamad Zain bin Musa 2003; Khin Sok 1991:138-141), selain mansukrip Cam CM39(38). Ia berlaku setelah pemberontakan empat adik beradik di Thbaung Khmum pada tahun 1858 itu dipatahkan raja Ang Duong. Pemimpin yang memberontak dan dikalahkan itu melarikan diri ke Moat Chrouruk (Mohamad Zain bin Musa 1999).



Peta menunjukkan penempatan Masyarakat Melayu-Cam di Indochina



Mereka bukan sahaja disambut dengan baik, tetapi juga dibenarkan menetap serta diberi perlindungan oleh gabenor Vietnam. Sementara itu, orang yang terlibat dalam pemberontakan dan tidak sempat melarikan diri telah dikumpulkan dan dipindahkan ke daerah Phnom Penh seperti Oudong dan Prey Pih (Cam CM39(38); Mohamad Zain bin Musa 2004). Sebahagian lagi orang Melayu Cam, kebanyakannya kaum keluarga yang masih tinggal di tebing sungai Tonle Sap itu dibawa ke Moat Chrouk pada tahun 1859 oleh kaum keluarga mereka. Mereka dibantu tentera Viet dari Chaudoc (Mohamad Zain bin Musa 2001). Mereka telah membangunkan tujuh perkampungan yang pesat berkembang. Namun, ada 600 orang bekas askar, menurut Mgr Miche (1863: 405), telah kembali ke kampung asal mereka di Kemboja pada tahun 1861.

Kini, orang Melayu-Cam di Vietnam bebas menjalankan perniagaan. Selain itu, ada yang telah menjadi pegawai di jabatan kerajaan Vietnam, seperti guru, pegawai tadbir dan doktor perubatan, selain yang bertani dan berternak di Phanri dan Phanrang. Di Chaudoc, masalah agihan tanah daripada kerajaan Vietnam timbul kerana orang Melayu-Cam tidak dibenarkan mendapat tanah yang besar untuk pertanian. Dalam Perang Vietnam II, ada orang Cam dilantik menjadi Menteri untuk menjaga hal ehwal orang minoriti dalam kerajaan Thieu-Ky.

#### MASYARAKAT CAM DI MALAYSIA

Orang Cam sudah datang ke Semenanjung Malaysia sejak dahulu lagi. Mereka telah melarikan diri dari tanah air untuk menyelamatkan diri dari ancaman orang Viet pada awal abad ke 19. Pelarian Cam mendapat perlindungan di Pattani, Kelantan, Terengganu, Melaka dan Johor. Hubungan rapat antara orang Cam dan Melayu telah lama terjalin (Ismail Hussein, P-B. Lafont & Po Dharmma 1995).

Satu lagi gelombang orang Cam ke Semenanjung Malaysia berlaku dari tahun 1970an hingga tahun 1990an (Mohamad Zain bin Musa 1994). Sebahagian besar pelarian Cam ini adalah dari Kemboja dan yang lain dari Vietnam, kerana pergolakan politik di Indochina, yang diambil alih kuasa oleh komunis pada tahun 1975. Bila tiba di Malaysia, mereka dikenali sebagai *pelarian Kemboja* dan diberi perlindungan kerajaan Malaysia. Sehingga kini, masih ada yang datang untuk mencari perlindungan dan rezeki.

Mereka dibenarkan tinggal di merata tempat di Malaysia. Kini masyarakat Cam boleh dijumpai di Kota Bharu dan Pasir Mas (Kelantan), Kuala Terengganu dan Dungun (Terengganu), Pekan dan Rompin (Pahang), Muar, Kota Tinggi dan Ulu Tiram (Johor), Tanjung Minyak dan Bukit Rambai (Melaka), Seremban (Negeri Sembilan), Banting, Kelang, Sungai Buluh dan Kajang (Selangor), Bukit Belacan (Kuala Lumpur), Ipoh, Kuala Kangsar, Parit Buntar (Perak), Nibong Tebal (Pinang), Alor Setar dan Kulim (Kedah) dan Kangar (Perlis). Jumlah mereka dianggarkan lebih kurang 61,000 orang.



Sehingga tahun 1985, Malaysia telah menerima sejumlah besar pelarian Islam Kemboja. (Ismail Hussein; Aziz Deraman & Abdul Rahman Al-Ahmadi: 1989). Kelantan menjadi tumpuan mereka di peringkat awal, kerana ada yang mempunyai pertalian darah dengan orang Kelantan. Malah ada orang Cam mengakui nenek moyang mereka berasal dari Kelantan.<sup>5</sup> Hubungan darah ini dikuatkan lagi dengan adanya perkahwinan antara puteri raja Kelantan dengan Tengku Mahkota Campa. Kesemua faktor itu menyatakan kebergantungan dan hubungan erat antara masyarakat Melayu-Cam dengan Tanah Melayu (Mohamad Zain bin Musa 1994). Selain itu, mereka juga menganggap Kelantan sebagai Mekah (Mohamad Zain bin Musa 1991; Po Dharma; G. Moussay & Abdul Karim 2000: 19-20).

PERKIM yang diberi tugas khas untuk menjaga kepentingan orang Cam telah memberi banyak sokongan, termasuk surat nikah dan surat bagi kanak-kanak masuk sekolah. Dari segi undang-undang Malaysia, surat nikah diperlukan untuk menunjukkan pasangan itu adalah suami isteri yang sah. Surat nikah tidak pernah dimiliki orang Cam semasa di Kemboja. PERKIM juga memberi khidmat nasihat kepada mereka agar dapat berdikari.

Kampung Bunga Emas adalah petempatan terawal orang Cam di Kelantan dan Malaysia. Tempat itu adalah ehsan dari Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) walaupun dalam bentuk sewaan (Zulfazli bin Hashim 2001: 25). Selain itu, terdapat Kampung Bukit Datuk yang terletak 12 km dari bandar Melaka di kawasan Tanjung Minyak, daerah Melaka Tengah. Orang Cam di kampung Bukit Datuk itu paling besar, berbanding tempat lain seperti Serkam dan Masjid Tanah di Melaka.<sup>6</sup>

Di Kampung Bukit Datok telah dibina Madrasah Al-Muhajirin. Madrasah itu telah memainkan peranan besar sebagai “tempat menyatukan penduduk kampung” (Zuraidah bt Mohd Sulaiman 2001: 13). Selain itu, ada sebuah lagi madrasah telah dibina di kampung Bukit Payung, Kuala Terengganu. Pembinaan madrasah ini disokong pihak berkuasa tempatan. Orang Cam berinteraksi dengan orang Melayu tempatan. Hubungan baik itu telah membawa banyak perubahan kepada struktur organisasi dan asimilasi sosial mereka. Pendidikan orang Cam bersama-sama anak Melayu mempereratkan lagi hubungan antara mereka. Generasi muda Cam dapat bertutur bahasa Melayu dengan fasih. Kesannya, generasi muda Cam tidak lagi mempertahankan bahasa Cam. Mereka tidak lagi dapat bertutur dengan baik dalam bahasa Cam.

Sejak tiba di Malaysia, mereka sudah terlibat dalam banyak bidang perniagaan. Pada mulanya, hampir kesemua mereka menjaya kain baju. Sifat rajin dan jujur mereka telah mendapat kepercayaan pemborong Melayu dan Cina yang memberi hutang atau kredit yang besar. Hasilnya, mereka boleh hidup dengan lebih senang dan dapat menghantar anak mereka ke universiti. Ada juga anak muda Cam mendapat biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, di dalam atau luar negara. Mereka telah juga berjaya menyandang jawatan dalam perkhidmatan awam serta swasta.





### MASYARAKAT CAM DI LUAR ASIA TENGGARA

Kemenangan komunis di Indocina pada tahun 1975 telah menyebabkan orang Melayu-Cam juga, seperti suku etnik lain di Indocina, melarikan diri untuk mencari perlindungan di negara lain. Ada setengah mereka telah menjadi pelarian ke Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Denmark, Australia dan New Zealand. Jumlah pelarian Cam yang telah diberi perlindungan adalah 2,000 orang (Muinuddin Ahmad Khan 1980: 97), di Thailand, lebih kurang 10,000 orang di Amerika Syarikat, 1,000 orang di Perancis, 400 orang di Kanada, 250 orang di Denmark dan 400 orang di Australia.

Mereka telah diberi peluang seperti warga negara yang lain dalam pendidikan sehingga ke peringkat yang tertinggi, selain pekerjaan. Namun, ada sebahagian mereka di negara Barat itu sukar menerima pengaruh asing, malahan ada yang membawa masalah dari segi budaya, peradaban dan agama. Ramai orang muda mudah dipengaruhi budaya Barat.. Oleh itu, sejumlah mereka, khususnya yang tinggal di Amerika Syarikat telah menghantar anak mereka untuk belajar di Malaysia supaya mendapat pendidikan Islam, terutamanya di International Islamic School atau di International Islamic University Malaysia (IIUM).

Bagi mengelakkan pekerja yang tidak diingini, orang Cam di negara ini telah mengamalkan kebudayaan mereka (Jamil Osman, Mohamad Zain bin Musa, Nik Asari Mohad Ali 2004) untuk membentuk keutuhan dan ukhwah di kalangan mereka. Interaksi sosial sesama mereka bertambah dengan kerjasama dipertingkatkan. Orang Cam di USA dilaporkan telah mendirikan surau dan masjid sebagai pusat kegiatan sosial. Selain sembahyang berjemaah, mereka dapat menjaga kebaikan di kalangan ahlinya dan berjaya mendidik dan membimbing anak muda dengan menubuhkan persatuan untuk menjaga kebaikan dan menghulur bantuan. Banyak pertubuhan dan persatuan seumpama itu terdapat di California (di Fullerton, Modesto, Santa Ana, San Francisco, Sacramento dan San Jose), Washington D.C. Seattle, Olympia, Pennsylvania dan Harrisburg<sup>7</sup>. Misalnya The Cham Refugee Community of Seattle<sup>8</sup> telah banyak memberi manfaat kepada masyarakat Cam, terutamanya dalam pendidikan dan motivasi. Selain itu, ada juga persatuan yang dikelolakan remaja di sekolah dan universiti. Misalnya Cham Students Association of University of Washington yang telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti.

Penglibatan dan penyertaan pelajar dalam persatuan seumpama itu dapat membimbing dan memberi kesedaran tentang pentingnya kerjasama, dan menjauhkan anak muda daripada jenayah, perjudian dan maksiat. Mereka juga sedar tentang bahaya penyebaran agama Kristian, maka bagaimana menyekat perluasan agama Kristian di perkampungan Islam Cam di Chau Doc dan Phan Rang, Vietnam.

Di Perancis orang Campa tertumpu di sekitar bandar raya Paris, di timur laut Laon dan Strasbourg, di Lyon dan Marseille. Pada hujung tahun 1970an





dan tahun-tahun 1980an, persatuan telah ditubuhkan dan diberi nama Centre socio-culturel du Campa. Pertubuhan ini tidaklah bertujuan seperti yang ditubuhkan di Amerika Syarikat, tetapi sebagai pertubuhan yang memainkan peranan kebangsaan. Walau bagaimanapun ianya tidak berterusan lama kerana masalah dalaman.

#### KESIMPULAN

Perpindahan orang Melayu-Cam di Kemboja, Laos dan Vietnam masih berlaku. Sebab utamanya ialah sempadan ketiga-tiga negara Indocina itu cair. Daripada segi jumlah, adalah dianggarkan lebih kurang 500,000 orang Melayu-Cam di Kemboja, 300 orang di Laos dan 150,000 orang di Vietnam (Zuraidah bt Mohd Sulaiman 2001:39), tetapi anggaran jumlah mereka di luar Asia Tenggara tidak dapat dibuat (Mohamad Zain bin Musa & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman 2003).

Hampir kesemua mereka adalah penganut agama Islam, walaupun ada perbezaan intepretasi dan amalan antara orang Islam Bani (Mohamad Zain bin Musa 2004) dan orang Islam yang mengamalkan fahaman akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah bermazhab Syafie. Orang Islam Bani sudah semakin kecil di Oudong (Kemboja), Phanri dan Phanrang (Vietnam). Di tempat itu ada juga yang mengamalkan agama Hindu dan Buddha. Selain itu ada perbezaan di kalangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah bermazhab Syafie, walaupun tidak ketara lagi seperti sebelum tahun 1970 dengan wujudnya Kaum Muda dan Kaum Tua, khususnya di Kemboja. Kini, mereka yang digolongkan Kaum Tua di Kemboja menganggap diri mereka Kaum Khalaf dan yang muda itu Kaum Muda, Kaum Salaf.

Dalam konteks hubungan antarabangsa sesama mereka, masyarakat Campa di seluruh dunia telah membentuk sebuah institusi yang diberi nama International Office of Champa dengan singkatan IOC yang berpusat di San Jose, California, Amerika Syarikat. Pada tahun 2007, mereka berjaya mengadakan satu Conference Antarabangsa mengenai Socio-cultural Issue of Champa: 175 Years after its Disappearance (1832-2007) di San Jose pada 7-8 Julai. Dalam konferensi ini, pakar-pakar dari Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Perancis dan juga Malaysia telah membentangkan kertas kerja menurut bidang kepakaran masing-masing seperti sejarah, ekonomi, pendidikan dan seni. Konferensi seperti ini dijangka akan diadakan secara berterusan. Sebuah jurnal berkala yang diberi nama *Champaka* telah diterbitkan oleh masyarakat Cam. Penerbitan ini telah bermula pada tahun 1999 dan *Champaka 7* telah diterbitkan pada tahun 2007. Semua terbitan adalah dalam bahasa Vietnam sahaja. Penaja-penaja Champaka terdiri dari Champa International Arts and Culture (CIAC-Champa), Kanada, International Office of Champa (IOC-Champa), Amerika Syarikat, Det Socio-Kulturelle Institut Champa (SKI-Champa), Denmark, Det Socio-Kulturelle





Institut Champa (SKI-Champa), Germany dan International Association of the Cham's National Revival (IACNR-Champa), Ukrain. Saya percaya walaupun masyarakat Melayu Cam dipisahkan oleh sempadan politik, mereka masih tidak boleh dipisahkan dari segi rumpun dan bangsa.

#### NOTA KAKI

1. Kedua-dua daerah tersebut adalah kepunyaan Kemboja. Tayninh (nama Khmer: Rong Damrei) menjadi taklukan Vietnam pada abad ke 18-19, dan Chaudoc (nama Khmer: Moat Chrour) menjadi wilayah Vietnam pada abad ke 19. Lihat Mak Phoeun 2000, *Notes sur les premiers établissements des Cam et des Malais dans les provinces de Chau-doc et de Tay-ninh*.
2. Dengan bersandarkan sebuah mansukirp Cam yang beliau memberi nama “Le Manuscrit de Po Chœung”, E. Aymonier berpendapat, (Aymonier 1890 “Légendes historiques des Chames”) ada menghuraikan tentang Po Choeung Chan, seorang “raja” atau “putera” Cam ke Kemboja dan kemudian menetap di Rong Damrei. Beliau menulis : “... Gia Long melantik Po Choeung Chan, yang tggal di Campa hingga ke tahun 1822”.
3. L. Malleret menuliskan bahawa terdapat orang Melayu di kalangan tentera yang menyokong Nguyen Anh (yang kemudian menjadi maharaja Gia Long) (L. Malleret, 1959, vol. I, hal. 26), yang menunjukkan bahawa mereka telah lama tinggal di kawasan itu sekurang-kurangnya sejak hujung abad ke 18 lagi. Didapati juga bahawa senjata – dua bilah keris – serta satu serban dan sehalai baju yang ditulis dengan huruf Jawi serta beberapa lambang berebntuk geometri (azimat) – kepunyaan orang Melayu tersebut yang menyokong Nguyen Anh. Keris, serban dan baju tersebut disimpan oleh keturunannya di Chaudoc (Mak Phoeun 2000).
4. Transkripsi Khmer nama seorang general Vietnam. Transkripsi Khmer dari gelarannya, tin-quan dan ditambah dengan perkataan Cam Ong yang bererti Encik. Mengenai gelaran Vietnam ini lihat Charles B.-Maybon 1919, hal. 367. Lihat juga A. Leclère, 1914, hal. 423. Banyak lagi gelaran Truong Minh Giang boleh didapati dalam Alfred Schreiner, Les institutions annamites en Basse-Cochinchine avant la conquête française, Saigon, Claude, 1900, vol I, hal. 259-260.
5. Ini berlaku kerana ada perkahwinan campur antara orang Cam dengan gadis Melayu tempatan.
6. Rujuk peta 1 dan gambar I dalam Zuraidah Bt Mohd Sulaiman 2001.
7. Sila lihat majalah *Bangsa Champa*, Bulletin of the Cham Muslim Communities in the U.S., December 1999. Majalah ini adalah keluaran tahunan oleh masyarakat Cam Islam di USA.
8. *The Cham Refugee Community of Seattle* ditubuhkan pada 1982, beralamatkan 3945<sup>th</sup> Ave South Seattle, WA 98118. Presidennya - Muktar Yousof, Timbalannya - Sen Tith, Setiausaha - Sahrudine Apdalhaliem dan Bendaharinya - Asary Abdullah. Persatuan ini banyak memberi pelbagai manfaat kepada masyarakatnya terutama hal-hal kesedaran pendidikan dan motivasi.





## RUJUKAN

- Aymonier, E. 1890. Légendes historiques des Chames. DLM *Excursions et reconnaissances*. Jil. XIV, n° 32: 145-206.
- Bangsa Champa, Bulletin of the Cham Muslim Communities. Califirmnia, U.S. December 1999.
- Baurac, J.-C. 1899. *La Cochinchine et ses habitant*. Saigon: Impr. Commerciale Rey.
- Boisselier, J. 1963. *La statuaire du Champa Recherches sur les cultes et l'iconographie*, Paris: PEFEQ.
- Cabaton, A. 1907 Les Chams Musulmans dans l'Indochine Française. DLM *Revue du Monde Musulman*, Paris: La Mission Scientifique du Maroc 2(6): 129-180.
- CAM27: Manuskip Cam mengandungi 322 bait, 40 halaman; koleksi EFEQ.
- CM39(36): Manuskip Cam mengandungi 1393 bait, 60 halaman; koleksi Société Asiatique de Paris.
- CM39(38): Manuskip Cam mengandungi 141 bait, 7 halaman; koleksi Société Asiatique de Paris.
- Ferray, Pierre-Richard 1984. *Le Viet Nam*. Paris: Presse Universitaire de France.
- Garnier, F. 1873. *Chroniques royales du Cambodge [1351-1867]*. Paris: Imprimerie Nationale.
- Ismail Hussein, Aziz Deraman & Abdul Rahman Al-Ahmadi (Penyt.). 1989. *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Jilid 3).
- Ismail Hussein, P.B. Lafont & Po Dharma (Penyt.). 1995. *Dunia Melayu dan Dunia Indocina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jacq-Herlgoualc'h, Michel 1979. *L'armement et l'organisation de l'armée khmère au XII et XIIIe siècles, d'après les bas-reliefs d'Angkor Vat, de Bayon et de Banteay Chmar*. Paris: Presse Universitaire de France.
- \_\_\_\_\_. 1991. L'armée du Campa au début du XIIIe siècle » in *Le Campa et le Monde Malais*. Paris: Travaux du CHCPI.
- Jamil Osman, Mohamad Zain Bin Musa & Nik Asari Mohd. Ali 2004. Eradicating Poverty of the Malay-Cham in Cambodia. DLM *Poverty in the Muslim World And Communities: Causes and Solutions*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Khin Sok, 1991. *Le Cambodge entre le Siam et le Viêtnam (de 1775 à 1860)*. Paris: EFEQ (Collection des Textes et Documents sur l'Indochine).
- Lafont, P.-B. 1964. Contributions à l'étude des structures sociales des Chams du Viêt-Nam » in BEFEO. Paris: EFEQ. (Jilid LII).
- Launay, Adrien. 1925. *Histoire de la mission de Cochinchine. 1658-1823. Documents historiques*. III. 1771-1823. Paris: Téqui.
- Le Campa et le monde malais* (Kerajaan Campa dan Dunia Melayu). 1991. Paris : Centre d'histoire et Civilisations de la Peninsule Indochinoise.
- Lê Thanh Khôi. 1955. *Le Viet-Nam: Histoire et civilisation*. Paris: les éditions de Minuit.
- Leclère, A. 1914. *Histoire du Cambodge depuis le 1er siècle de notre ère d'après les inscriptions lapidaires, les annales chinoises et annamites et les documents européens des six derniers siècles*. Paris: Geuthner.
- Madrolle. 1928. *Indochine du Sud: Cochinchine, Cambodge, Bas-Laos, Sud-Annam, Siam*. Paris: Hachette.
- Mak Phoeun. 1988. La communauté cam au Cambodge du XVe au XIXe siècle. Historique de son implantation et son rôle dans la vie politique khmère », in *Actes*





- du séminaire organisé à l'Université de Copenhague le 23 mai 1987.* Paris: Travaux du CHCPI.
- \_\_\_\_\_. 1990. La communauté malaise musulmane au Cambodge (de la fin du XVI<sup>e</sup> siècle jusqu'au roi musulman Râmâ dhipatî Ier)" DLM *Le monde indochinois et la péninsule malaise*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Histoire du Cambodge de la fin du XVI<sup>e</sup> siècle au début du XVIII<sup>e</sup> siècle*. Paris: EFEO.
- \_\_\_\_\_. 2000. *Notes sur les premiers établissements des Cam et des Malais dans les provinces de Chau-doc et de Tay-ninh*. Seminar Antarabangsa, Dunia Melayu-Dunia Indocina: Hubungan Sejarah dan Kebudayaan, Kuala Lumpur, 21-22 November.
- Malleret, L. 1959. *L'archéologie du delta du Mékong*, Paris: PEFEO (vol. 1).
- Maybon, C. 1919. *Histoire moderne du pays d'Annam (1592-1820). Étude sur les premiers rapports des Européens et des Annamites et sur l'établissement de la dynastie annamite des Nguyen*. Paris: Plon.
- Miche, Mgr. Surat bertarikh « Kemboja » 26hb Disember 1861. DLM *Annales de la propagation de la foi*, 1863. (Jil. XXXV).
- Mohamad Zain Bin Musa 1990. *Contribution à l'histoire du Panduranga (Campa). La fuite du Po ci bri*. Tesis di École Pratique des Hautes Études, IVème Section. Paris: Sorbonne.
- \_\_\_\_\_. 1991. Kehadiran Orang Melayu dan Orang Cam di Kemboja Hingga Awal Abad ke XIX. *Jebat*. 19: 3-13.
- \_\_\_\_\_. 1992. Penghijrahan Po ci bri Mengikut Manusrip Cam. *Jurnal Filologi Melayu* 1: 136-159.
- \_\_\_\_\_. 1993. Manusrip Melayu Cam di Paris: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Filologi Melayu*. . 2: pagination.
- \_\_\_\_\_. 1994. Masyarakat Melayu-Cam dan Kelantan Dilihat dari Sudut Agama. *Warisan Kelantan*. 13: 33-48.
- \_\_\_\_\_. 1999. Orang Melayu-Cam dalam Pemberontakan 1858 Menurut Sumber Cam. *MANU* 3: 1-27.
- \_\_\_\_\_. 2001. The Malay and the Cham's Relations with the Kingdom of Cambodia During and After the French Protectorate (1863-2000). *JMBRAS* 74 (2): 1-21
- \_\_\_\_\_. 2004a. Islam as Understood and Practiced by the Muslims in Indochina. *Islamiyat*. 25 (1) 45-60
- \_\_\_\_\_. 2004b. Manusrip Cam sebagai Sumber Sejarah Bangsa Cam: Kajian terhadap Manusrip CM39(36). *Seminar Kajian Campa* pada 16 Jun 2004 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- \_\_\_\_\_. & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman 2003. *Masyarakat Cam Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-Ahli Arkeologi Malaysia.
- \_\_\_\_\_. & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman 2006. *The Cham Community Through the Ages*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-Ahli Arkeologi Malaysia
- Moura, J. 1883. *Le royaume du Cambodge*. Paris: Leroux. (Vol. I).
- Muinuddin Ahmad Khan. 1980. *Muslim Communities of Southeast Asia, A Brief Survey*. Chittagong (Bangladesh): Islamic Foundation, Islamic Cultural Centre.





- Ner, Marcel. 1941. "Les musulmans de l'Indochine Française". *BEFEO*. 41 (2): 151-200
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh. 2004. *Kedatangan dan Kehadiran Masyarakat Melayu Cam di Malaysia*. Seminar Kajian Campa, pada 16 Jun 2004 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Pavie, Auguste. 1901. *Mission Pavie Indo-Chine 1879–1895: Géographie et voyages. I. Exposés des travaux de la mission*. Paris: Challamel.
- Po Dharma, 1983. Etudes Cam: A propos de l'exile d'un roi cam au Cambodge. *BEFEO*. 70: 253-266.
- \_\_\_\_\_, 1987. *Le Panduranga (Campa) 1802–1835: Ses rapports avec le Viêtnam*. Paris: PEFEO.
- \_\_\_\_\_, 1989. Les frontières du Campa (Dernier état des recherches)' in *Les frontières du Vietnam (Histoire de frontières de la Péninsule Indochinoise)*. Paris: L'Harmatan.
- \_\_\_\_\_, 1999. *Quatre lexiques malais-cam anciens rédigés au Campa*. Paris: EFEO.
- \_\_\_\_\_, 2000. *Empat Leksikon Bahasa Melayu – Bahasa Cam yang disusun di Campa pada abad ke 17*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan dan EFEO.
- \_\_\_\_\_, G. Moussay & Abdul Karim (penyusun) 2000. *Nai Mai Mang Makah. Tuan Puteri dari Kelantan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Schreiner, Alfred. 1900. *Les institutions annamites en Basse-Cochinchine avant la conquête française*. Jil. I. Saigon: Claude.
- Socio-cultural Issues of Champa: 175 Years after its Disappearance (1832-2007)*. 2007. A Conference on Champa, July 7-8 2007, San Jose, California, USA.
- Villemerueil, A. B. de. 1883. *Explorations et missions de Doudart de Lagrée*. Paris: Tremblay.
- Zulfazli bin Hashim 2001. *Kedatangan Masyarakat Cam di Sekitar Kota Bharu, Kelantan dengan Tumpuan Kepada Kedatangan Sejak 1975 dan Asimilasi Sosio-Budayanya*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (*Kertas Projek Sarjana Muda*).
- Zuraidah bt Mohd Sulaiman. 2001. *Perubahan Sosio-Ekonomi Masyarakat Cam di Tanjung Minyak, Melaka*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (*Kertas Projek Sarjana Muda*).

Mohamad Zain Bin Musa  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi

Emel: matzen@pkrisc.cc.ukm.my